**SMK...**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN** **1103/2**
**BAHASA MELAYU**
**Kertas 2**
**Ogos**

**2 ½ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **HakCipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

**Markah penuh 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

(a) Isi - **20** markah
(b) Bahasa - **10** markah

**(a)** **Isi** [20 markah]

**Nota :**

(i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa.**
(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| **Bahagian** | **Markah** | | | | | | | | | **Markah** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | | | | **2** |
| (ii) Isi Tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | **16** |
| (iii) Isi Tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | |
| (iv)Penutup/ Kesimpulan | | | | | | | | | | **2** |
| | **Jumlah Markah** | | | | | | | | | **20** |

**Pendahuluan**

Petikan membincangkan kebaikan/manfaat hutan tanah tinggi kepada di negara kita / Malaysia kini. (2 markah)

Rumusan membincangkan kebaikan/manfaat hutan tanah tinggi dan usaha-usaha untuk mengekalkannya. ( 2 markah)

**Isi-isi tersurat(Kepentingan)**

1. Hutan tanah tinggi menjadi sumber bekalan air bersih. (2 m)
2. Hutan tanah tinggi bertindak sebagai penapis semula jadi bagi air hujan. (2m)
3. Hutan tanah tinggi yang terdapat di banjaran utama negara merupakan kawasan yang dapat membekalkan sumber hutan. (2m)
4. Hutan tanah tinggi menjadi sumber kepelbagaian biologi. (2m)
5. Hutan tanah tinggi berfungsi sebagai pembekal makanan kepada haiwan sepanjang tahun. (2m)
6. Hutan tanah tinggi menjadi habitat bagi beraneka spesies flora dan fauna. (2m)
7. Hutan tanah tinggi bertindak sebagai tempat rekreasi dan pelancongan. (2m)
8. Hutan tanah tinggi merupakan sumber penyelidikan perubatan farmasi yang amat bernilai. (2m)

**Isi-isi tersirat(Usaha-usaha)**

1. Kerajaan menggalakkan kempen kesedaran tentang kepentingan hutan tanah tinggi. (2m)
2. Kerajaan mewartakan kawasan hutan tanah tinggi sebagai kawasan hutan simpan. (2m)
3. Penguatkuasaan undang-undang melarang penerokaan /pencerobohan hutan tanah tinggi. (2m)
4. Masyarakat melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab menceroboh hutan tanah tinggi. (2m)
5. Memberi pendidikan awal tentang kepentingan hutan tanah tinggi di sekolah rendah dan sekolah menengah. (2m)

**Kesimpulan :**

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama dalam memelihara hutan tanah tinggi supaya bencana alam dapat dielakkan. (2 markah)

**(b)** **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

| **Peringkat** | **Markah Isi** | **Markah Bahasa** | **Huraian** |
|---|---|---|---|
| **Baik** | **18 – 20**<br>**15 – 17** | **9 – 10**<br>**7 – 9** | - Kesinambungan isi baik.<br>- Struktur ayat / tatabahasa baik<br>- Kosa kata luas<br>- Tanda bacaan / ejaan betul |
| **Sederhana** | **12 – 14**<br>**8 – 11** | **6 – 7**<br>**4 – 6** | - Kesinambungan isi masih baik<br>- Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan<br>- Kosa kata masih memuaskan<br>-Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan |
| **Lemah** | **1 – 7** | **1 – 4** | - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan |

**Nota :**

(i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.

(ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah.**

(iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.

(iv) Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan, markah tidak dipotong.**

[Markah bahasa **maksimum : 10** *markah*]

**Soalan 2**

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:
Soalan 2(a) : **9** markah
Soalan 2(b) : **9** markah
Soalan 2(c) : **8** markah
Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayatyanglengkap / sempurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, **berikanseparuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

| **DESKRIPSI** | **MARKAH** |
|---|---|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat / salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| **DESKRIPSI** | **MARKAH** |
|---|---|
| - Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis<br>- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah:

| **DESKRIPSI** | **MARKAH** |
|---|---|
| - Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap / relevan, ayat kurang gramatis | 3 |

| | |
|---|---|
| - Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis | 0 |

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

( i ) bermaksud punca pendapatan

( ii ) -pengambilan sumber galian dan pembalakan

- Pengambilan spesies tumbuhan penting untuk tujuan komersial
- Kelemahan dalam perancangan pembangunan dan pengurusan
- Penggunaan tanah secara berleluasa

( iii ) -Hakisan tanah

- Tanah runtuh

- Banjir kilat

- Kesan rumah hijau

- Penipisan lapisan ozon/ bumi semakin panas

** Tiga isi tanpa huraian ( 4m)*
** Dua isi dengan huraian (4m)*

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

(i) Keluhan hati Nusia

- Hidup yang ditentukan oleh manusia ini tidak pernah adil.
  1m
- Solehah hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan
  1m
- Tuan Besar Musa itu diberikan darah walaupun tubuhnya tidak dapat menerima darah yang diberikan
  1m

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Kesan

- Tidak dapat menyelamatkan nyawa mangsa kemalangan/pesakit
- Operasi pembedahan tidak dapat dijalankan dengan lancar
- Peluang hidup untuk pesakit leukemia, barah, jantung, pesakit hati /pesakit penyakit lain tipis
- Bekalan darah negara terjejas

[Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum 3 markah]

(iii) Satu pengajaran dalam petikan

- Kita hendaklah bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas.
  - Nusia menjalankan tugasnya sebagai jururawat dengan dedikasi 1+1
- Kita hendaklah bersikap adil sesama manusia
  - Nusia melayan pesakit-pesakit di wad itu dengan sama rata 1+1
- Kita hendaklah bersimpati terhadap golongan yang ditimpa nasib malang
  - Nusia bersimpati terhadap semua pesakit malang di wad itu 1+1

[ Maksimum: 2 markah]

Satu pengajaran daripada keseluruhan cerpen

- Kita hendaklah bersikap bijak dalam membuat keputusan
- Nusia tidak suka menyalahkan takdir atas sesuatu kesilapan daam membuat keputusan 1+1
- Kita mestilah berani menanggung risiko demi nyawa orang yang kritikal
- Nusia mengambil darah dari bank darah tanpa persetujuan Profesor Doktor Juaidi untuk menyelamatkan pesakit yang koma di wad itu 1+1
- Kita hendaklah menolong orang yang berada dalam kesusahan
- Nusia dan Doktor Murni sama-sama menderma darah untuk menolong dan menyelamatkan nyawa pesakit yang koma 1+1

[ Maksimum: 2 markah]

**Soalan 2 c – Petikan prosa tradisional.**

Skema Soalan Prosa Tradisianal Tingkatan 4

(i) Berikan maksud *sehelai sepinggang*.

- Pakaian yang ada pada tubuh sahaja (2 m)
- Apa-apa sahaja yang melekat pada tubuh sahaja (2 m)
- Pakaian yang sedia terpakai pada waktu itu (2 m)

( maksimum : 2 markah )

(ii) Berdasarkan petikan di atas, apakah tindakan-tindakan Temenggung selepas mendapat arahan daripada sultan? ( isi cukup – 2 tindakan )

- akur akan perintah daripada sultan

- menyuruh orang suruhannya menyampaikan pesanan itu.
- menyuruh orang kaya dan saudagar menjaga kediaman masing-masing
-menyuruh pengawal-pengawalnya berkawal pada waktu malam
-menggunakan banyak senjata seperti lembing dan perisai sewaktu berkawal

(maksimum : 3 markah )

(iii) Raja segera menitahkan orang-orang Temenggung berkawal sebaik-baik sahaja mengetahui berita tentang kecurian yang berlaku di negeri baginda.

Pada pendapat anda, mengapakah baginda menitahkan kegiatan kecurian itu diatasi dengan segera? ( isi cukup – 2 pendapat )

- masyarakat dapat meneruskan kehidupan dengan tenang
- tidak berlaku banyak kehilangan harta benda
- pemilik harta benda tidak berada dalam kerugian
- moral masyarakat setempat dapat ditingkatkan
- keselamatan diri dan harta benda penduduk terjamin

****Jawapan lain yang munasabah boleh diterima***

( maksimum : 3 markah )

**Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Moden**

(i) ...penyajak menyatakan bahawa dia sering berasa sunyi kerana tiada sesiapa yang menziarahinya.

( Maksimum : 2 markah )

(ii) Aktiviti-aktiviti ( isi cukup – 2 aktiviti )
...aktiviti kemasyarakatan seperti membantu orang susah dan bergotong-royong
...aktiviti keagamaan seperti menghadiri kelas agama dan majlis tahlil.
...aktiviti riadah seperti bersenam dan berkebun.

( Maksimum : 3 markah )

(iii) Pengajaran ( 2 isi pengajaran + 2 isi huraian )
...kita janganlah mengabaikan keperluan orang tua kita agar kehidupan mereka ceria di penghujung usia. ( 1 + 1 )

... kita janganlah melepaskan tanggungjawab menjaga orang tua agar orang tua bersa dihargai oleh anak-anak sendiri. ( 1 + 1 )

## Peraturan Pemarkahan

### Soalan 3

Marlah penuh 30 markah dibahagikan kepada:
Soalan 3(a) : **6** markah
Soalan 3(b) : **6** markah
Soalan 3(c) : **6** markah
Soalan 3(d) : **6** markah
Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikah markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan markah penuh 1 markah.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

**3a) Bina Ayat**

**i) Pakai**
-dengan cara, dengan jalan

**ii) Memakai**
-mengenakan (meletakkan) pakaian dll
-menggunakan, melakukan sesuatu dengan;
-menjadikan sebagai gundik;
-menggunakan ilmu (azimat, tangkal, dsb) untuk menjaga badan (diri dsb);

**iii) Terpakai**
-dipakai;
-sudah dipakai

**iv) Susun**
-longgok yang teratur (berlapis-lapis, bertindih-tindih);
-Tingkat, (se)perangkat barang yang bertingkat-tingkat (pinggan, mangkuk,tepen, dll);
-rangkai, untai (sajak);
-rangkap berlapis (kelopak bunga mawar dll)

v) **Menyusun**
-meletakkan berlapis-lapis (bertindih-tindih, yang satu di atas yang lain);
-mengatur baik-baik, meletakkan beraturan, merencanakan;
-mengatur (karangan dll), mengubah;

vi) **Tersusun**
-sudah disusun (diatur, disiapkan) baik-baik atau dengan teratur

**3b) Jenis Ayat Perintah**

i) Ayat Perintah Larangan
ii) Ayat Perintah Silaan
iii) Ayat Perintah Suruhan
iv) Ayat Perintah Larangan
v) Ayat Perintah Permintaan
vi) Ayat Perintah Silaan

3c) **Ejaan** **Imbuhan**

i) matapelajaran - mata pelajaran pelaksana - pelaksanaan
ii) mendisplinkan - mendisiplinkan kuat kuasa - menguatkuasakan
iii) gengsterisma - gengsterisme runtuh - keruntuhan

3d**) Istilah** **Tatabahasa**

i) perlawanan – pertandingan dalam - di
ii) pendapat - pendapatan supaya - yang
iii) memalapkan – melelapkan syarikat wang - wang syarikat

3e) **Peribahasa Melayu**

i) *Berjaga-jaga lebih baik sebelum bencana atau perkara buruk berlaku*
ii) *Persahabatan yang kukuh/erat.*
iii) *Semakin tinggi ilmu seseorang itu, semakin merendah diri sifatnya.*

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

**Perhatian bagi soalan 4**

(a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Berikan 2 markah bagi peristiwa yang tepat.
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas
(v) Markah isi maksimum 4 markah.
(vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
(vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
Baik = 3 markah
Sederhana = 2 markah
Lemah = 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 7 markah]

(b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah untuk satu pengajaran bagi setiap novel
(iv) Berikan 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas
(v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
(vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
Baik = 2 markah
Lemah = 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 8 markah]

**Perwatakkan Watak Utama:**

**Tingkatan 4 (Di sebalik Dinara) - FARISHA**

4 a) Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 bertajuk Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor.Watak Utama dalam karya ini ialah Farisah.

i) **Seorang yang genius dan pakar dalam penggodaman IT**. Buktinya,Farisha diminta oleh Dr Maxi menggodam sistem Dinara yang dibuat oleh Karl atas kepakaran yang dimilikinya pernah berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba dahulu. Bukti lain, Aqram mengakui kelemahan Dinara dan meminta Farisha menggodam sistem itu supaya keselamatannya boleh ditingkatkan

ii) **Seorang yang sangat berhati-hati dalam membuat keputusan.** Buktinya, Farisha tidak tergesa-gesa menerima tawaran Aqram dan Soft Lab untuk projek mini bernilai tinggi. Sebaliknya, Farisha meminta pandangan abangnya yang lebih berpengalaman iaitu Azraai.

iii)**Seorang yang amat mementingkan kesempurnaan**. Sebagai contohnya, Farisah selalu menyusun pakaiannya mengikut kategori dan warna. Semua benda akan disusun mengikut kategori, warna, kegunaan dan pelbagai peraturan yang diciptanya sendiri.

**Tingkatan 5 ( Silir Daksina) – WATAK UTAMA HAIQAL**

4 a) i. **Seorang yang setia dalam persahabatan.**

Haiqal memujuk Ratna yang menangis kerana tidak mendapat keputusan yang baik dalam SPM

ii. **Seorang yang berbakat dalam seni budaya**

Haiqal sering memenangi pertandingan deklamasi puisi di peringkat sekolah, serta menjadi johan menulis sajak dan cerpen di peringkat sekolah dan ingin meneruskan cita-cita arwah ayahnya.

**SOALAN 4B:**

**Perbezaan Latar Masyarakat :**

**NOVEL DI SEBALIK DINARA:**

**Latar masyarakat**

1. Masyarakat yang mementingkan kasih sayang dalam keluarga.
Azraai dan Farisha saling menyayangi. Dua beradik ini saling mengambil berat dan risau akan keselamatan antara satu sama lain. Azraai kerap menelefon adiknya dan memasang iterkom yang bersambung antara apartmen Farisha dengan rumah Azraai.

2. Masyarakat yang mementingkan diri sendiri.
Wanita di lapangan terbang yang bercakap di telefon dengan suara yang kuat. Dia tidak pedulikan orang yang ada di sekelilingnya sehingga membuat Farisha berasa jengkel.

3. Masyarakat yang suka bersaing untuk menunjukkan kehebatan diri
Marilyn@Medina dan Karl saling bersaing untuk menunjukkan kehebatan masing-masing dalam dunia penyelidikan sains. Karl tidak dapat menerima kenyataan yang Marilyn lebih hebat daripadanya. Karl telah mensabotaj Marilyn sehingga dia menjadi gila.

4. Masyarakat yang celik ICT
Farisha, Marilyn@Medina dan Karl merupakan antara contoh masyarakat yang sangat hebat dalam dunia ICT. Mereka mampu mencipta program baharu dan mampu juga menggodam computer. Azraai juga seorang yang pakar dalam ICT dan mengaplikasikannya di rumahnya dan apartmen Farisha.

5. Masyarakat yang teguh memegang amanah / janji
Dr Maxi, aqram dan Khairul Anwar teguh memegang amanah Karl untuk mencari Farisha sehingga berjumpa. Mereka juga menjaga Farisha dengan baik kerana menunaikan amanah Karl. Hal ini demikian kerana, Farisha sangat penting untuk menyelamatkan Dinara.

6. Masyarakat yang bijak
Farisha ialah seorang gadis yang sangat bijak. Walaupun baru sahaja mendengar penerangan ringkas tentang Dinara daripada Aqram, dia telah dapat mengesan kelemahan Dinara. Walaupun belum memulakan penggodaman, Farisha telah nampak banyak kelemahan Dinara. Kerana kebijaksanaannya itulah, dia diperlukan untuk menyelamatkan Dinara.

**NOVEL SILIR DAKSINA :**

1) **Masyarakat yang berbudi bahasa**

- **Huraian:** Pemuda di kampung Seri Purnama akan bersalaman dengan semua pengunjung warung Wak Min ketika sampai di warung Wak Min pada waktu malam.

2) **Masyarakat yang mengamalkan kerjasama dalam melakukan aktiviti.**

- **Huraian :** Haiqal juga bekerjasama dengan penduduk kampung untuk mengadakan persembahan zapin D'Purnama sebagai usaha untuk menghargai perjuangan ayahnya; Abdullah bin Kayan.

3) **Masyarakat yang saling membantu.**

**Huraian :**Keluarga Abdullah bin Kayan sering membantu Tauke Ong ketika kali pertama Tauke Ong berhijarah ke kampung Seri Purnama seperti menyewakan kebun getah kepada Tauke Ong.